

KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD

Rujukan Kami : MN/CIR/0008/2025

05th November 2025

Salam Sejahtera Ahli-Ahli Yang Dihormati,

KAD PEKERJA MADANI

Inisiatif Kad Pekerja Madani telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Bin Ibrahim pada 1hb Mei 2025 bertempat di Putrajaya. Kad Pekerja Madani adalah merupakan kad diskaun khas untuk pekerja-pekerja warganegara Malaysia yang merupakan ahli kesatuan sekerja yang berhak serta berdaftar.

Pemegang Kad Pekerja Madani layak untuk menikmati pelbagai diskaun dan tawaran Istimewa dan diantaranya adalah diskaun sehingga 30% di lebih 100 syarikat perniagaan seperti AEON, MYDIN, JAKEL, GIANT dan sebagainya. Diskaun perkhidmatan di restoran-restoran seperti Marrybrown, Zuss Coffee dan Old Town White Coffee serta tawaran khas servis kereta seperti Bateriku.com dan SOCAR.

Syarat-syarat utama untuk mendapatkan Kad Pekerja Madani ini adalah :

1. Warganegara Malaysia
2. Ahli-ahli tersebut hendaklah tiada mempunyai rekod tindakan tata-tertib oleh kesatuan sekerja
3. Ahli-ahli yang berhak dan aktif iaitu tiada tunggakan yuran bulanan
4. Mempunyai nombor keahlian yang sah

Untuk ahli-ahli Mayneu yang ingin menjadi pemegang kad madani perlu melayari laman web

kadpekerjamadani.mohr.gov.my > log Masuk > Mohon Sekarang > Lengkapkan Info > Hantar Permohonan

Ahli-ahli perlu memilih KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF MALAYAN BANKING BERHAD nombor pendaftaran KS01281 sebagai kesatuan pilihan semasa proses pendaftaran. Kekeliruan timbul apabila ada ahli-ahli memohon menggunakan no pendaftaran lama KS01064 sebagai kesatuan pilihan.

Mana-mana ahli yang mengalami masalah seperti identifikasi dan kata laluan yang salah atau tidak diterima, ahli-ahli boleh menghantar email kepada kadpekerjamadani.mohr.gov.my untuk bantuan lebih lanjut.

Sedikit sebanyak kad madani pekerja dapat mengurangkan bebanan perbelanjaan ahli-ahli Mayneu didalam arus ekonomi yang semakin mencabar diabad ini.



JESNI MAHMOOD
SETIAUSAHA
KESATUAN PEKERJA-PEKERJA BUKAN EKSEKUTIF
MALAYAN BANKING BERHAD (MAYNEU)

s.k. Presiden, MAYNEU